



**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**GARIS PANDUAN
SKIM GERAN PENYELIDIKAN
TRANSDISIPLINARI
TRANSDISCIPLINARY RESEARCH GRANT SCHEME
(TRGS)
Pindaan Tahun 2016**

**BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA.
No. Tel: 03-8870 6975
No. Faks: 03-8870 6867**

KANDUNGAN

Visi dan Misi Penyelidikan Fundamental	3
BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)	4
1.1 Falsafah	4
1.2 Definisi	4
1.3 Tujuan	4
1.4 Kluster Penyelidikan	4
1.5 Siling Pemohonan	8
1.6 Tempoh Penyelidikan	8
1.7 Syarat-syarat Permohonan	8
1.8 Peraturan Permohonan	10
1.9 Kriteria Penilaian	10
1.10 Peraturan Kewangan	11
1.11 Hasil Penyelidikan	14
1.12 Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan	15
BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)	16
2.1 Penilaian	16
BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN)	17
3.1 Implementasi Program	17
3.2 Pengawalan Projek	17
3.3 Penalti	19
BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN)	20
4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	20
BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)	20
5.1 Ketua Projek tidak lagi bertugas di IPT yang diperakukan	20
BAHAGIAN 6 (PERANAN)	21
6.1 Ketua Program	21
6.2 Ketua Projek	21
6.3 Pusat Pengurusan Penyelidik (RMC)	21
6.4 Jawatankuasa Penilaian	22
6.5 Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)	22

VISI DAN MISI PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL

Visi

Penyelidikan fundamental yang berdaya saing untuk transformasi ilmu dan kecemerlangan negara

Misi

Membudaya, memperkasa dan melestarikan kapasiti penyelidikan berimpak tinggi bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap perkembangan bakat, peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan peradaban yang dinamik.

BAHAGIAN 1

PERMOHONAN

1.1 FALSAFAH

Sebagai sebuah negara yang beraspirasi untuk menjadi negara maju, Malaysia perlu menyuburkan budaya penyelidikan. Untuk ini sebuah dana khusus diperlukan. Skim Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS) merangkumi penyelidikan fundamental dan eksploratori yang dapat menggalakkan penjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, perkembangan sempadan ilmu, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.

TRGS dapat membina kerjasama keserakanan merentasi pelbagai kluster penyelidikan dan bersifat transdisiplin, bagi meletakkan Malaysia dalam peta dunia dari segi penyelidikan fundamental dalam kluster tertentu.

1.2 DEFINISI

Penyelidikan TRGS merupakan penyelidikan asas dan eksploratori yang boleh menghasilkan teori, konsep dan idea baru demi perkembangan ilmu.

1.3 TUJUAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk melonjakkan penjana teori, konsep dan idea baru yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baru yang menerobos sempadan ilmu dan penciptaan inovatif.

1.4 KLUSTER PENYELIDIKAN

1.4.1 Program ini mesti melibatkan **minimum tiga (3) projek di bawah kluster yang berbeza dari institusi yang sama**. Pengecualian

diberi untuk kes-kes tertentu yang melibatkan maksimum satu (1) kluster dari IPTA lain.

1.4.2 Pembiayaan geran TRGS meliputi kluster asas yang dapat menyokong agenda strategik negara. Subkluster yang merentasi disiplin penyelidikan di bawah kluster yang dikenalpasti adalah seperti berikut:-

1.4.2.1 Sains Tulen dan Gunaan (*Pure and Applied Sciences*)

- (i) Kimia (*Chemistry*)
- (ii) Fizik (*Physic*)
- (iii) Biologi (*Biology*)
- (iv) Biokimia (*Biochemistry*)
- (v) Bioteknologi (*Biotechnology*)
- (vi) Sains Bahan (*Materials Science*)
- (vii) Matematik dan Statistik (*Mathematics and Statistics*)
- (viii) Geologi (*Geology*)
- (ix) Geosains (*Geoscience*)

1.4.2.2 Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*)

- (i) Kejuruteraan (*Engineering*):
 - a. Mekanikal dan Pembuatan (*Mechanical & Manufacturing*)
 - b. Kimia dan Proses (*Chemical and Processing*)
 - c. Elektrikal dan Elektronik (*Electrical and Electronic*)
 - d. Awam dan Struktur (*Civil and Structural*)
 - e. Bahan dan Polimer (*Material and Polymer*)
 - f. Aeroangkasa (*Aerospace*)
- (ii) Teknologi (*Technology*):
 - a. Tenaga (*Energy*)
 - b. Teknologi Hijau (*Green Technology*)

- c. Pembinaan dan Bahan Binaan (*Construction and Construction Materials*)
- d. Infrastruktur dan Pengangkutan (*Infrastructure and Transportation*)

1.4.2.3 Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*)

- (i) Sains Perubatan Asas (*Basic Medical Sciences*)
- (ii) Kajian Klinikal (*Clinical Studies*)
- (iii) Perubatan (*Medicine*)
- (iv) Pembedahan (*Surgery*)
- (v) Onkologi (*Oncology*)
- (vi) Perubatan Masyarakat (*Community Medicine*)
- (vii) Perubatan Pencegahan (*Preventive Medicine*)
- (viii) Sains Kesihatan (*Health Science*)
- (ix) Pergigian (*Dental*)
- (x) Mikrobiologi Perubatan (*Medical Microbiology*)
- (xi) Kejururawatan (*Nursing*)
- (xii) Parasitologi (*Parasitology*)
- (xiii) Patologi (*Pathology*)
- (xiv) Farmasi (*Pharmacy*)
- (xv) Farmakologi (*Pharmacology*)

1.4.2.4 Sains Sosial (*Social Sciences*)

- (i) Antropologi (*Anthropology*)
- (ii) Psikologi (*Psychology*)
- (iii) Sosiologi (*Sociology*)
- (iv) Sains Politik (*Political Science*)
- (v) Pengurusan (Management) (*including organisational behavior, Entrepreneurship*)
- (vi) Perniagaan (*Business*) (*including Accounting, Finance, Marketing*)
- (vii) Geografi (*Geography*)
- (viii) Ekonomi (*Economics*)
- (ix) Komunikasi (*Communication*)
- (x) Kajian Etnik (*Ethnography*)

1.4.2.5 Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*)

- (i) Bahasa dan Linguistik (*Language and Linguistic*)
- (ii) Kesusasteraan (*Literature*)
- (iii) Agama (*Religion*)
- (iv) Falsafah (*Philosophy*)
- (v) Tamadun (*Civilization*)
- (vi) Sejarah (*History*)
- (vii) Seni (*Art*)
- (viii) Budaya (*Culture*)
- (ix) Pendidikan (*Education*)
- (x) Dasar dan Undang-undang (*Policies and Law*)
- (xi) Alam Bina (*Built Environment*)
- (xii) Alam Sekitar (*Environment*)

1.4.2.6 Warisan Alam dan Budaya (*Natural and Cultural Heritage*)

- (i) Alam Sekitar (*Environment*)
- (ii) Perhutanan (*Forestry*)
- (iii) Pertanian (*Agriculture*)
- (iv) Marin (*Marine*)
- (v) Arkeology (*Archaeology*)
- (vi) Geosains (*Geoscience*)
- (vii) Kajian Etnik (*Ethnography*)
- (viii) Alam Bina (*Built Environment*)
- (ix) Budaya (*Culture*)
- (x) Kepelbagaian Biologi (*Biodiversity*)
- (xi) Pelancongan (*Tourism*)
- (xii) Kulinari (*Culinary*)
- (xiii) Perubatan alternatif (*Alternative Medicine*)

1.4.2.7 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*)

- (i) Perisian (*Software*)
- (ii) Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*)
- (iii) Rangkaian Komputer (*Computer Networks*)
- (iv) Sistem Maklumat (*Information System*)
- (v) Teori Pengkomputeran (*Theory of Computation*)
- (vi) Rekabentuk Perkakasan (*Hardware Design*)

1.4.3 Permohonan yang melibatkan **korpus ilmu sains & teknologi dan sains sosial & kemanusiaan** adalah **amat digalakkan**.

1.5 SILING PERMOHONAN

Jumlah siling permohonan bagi keseluruhan program adalah RM1,500,000.00. Peruntukan tahun pertama hendaklah tidak melebihi 50% daripada jumlah yang diluluskan.

1.6 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah tidak melebihi tiga (3) tahun.

1.7 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dengan syarat-syarat berikut:-

1.7.1 Ketua Program hendaklah warganegara Malaysia.

1.7.2 Ketua Program adalah kakitangan akademik tetap (Profesor atau Profesor Madya) dan mengetuai salah satu projek dalam program tersebut.

1.7.3 Minimum dua (2) orang Ketua Projek hendaklah warganegara Malaysia.

- 1.7.4 Bagi Ketua Projek yang bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia kakitangan akademik yang bertaraf tetap dari institusi yang sama.
- 1.7.5 Ketua Projek yang bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama kakitangan akademik bertaraf tetap dari institusi yang sama.
- 1.7.6 Penyelidikan dan penghasilan bakat mestilah dilakukan dalam negara.
- 1.7.7 Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Projek bagi satu projek sahaja.
- 1.7.8 Permohonan baharu bagi mereka yang telah diluluskan geran TRGS pada fasa yang terdahulu akan diberi pertimbangan dengan mengemukakan bukti tahap selesai projek pada kadar 75%.
- 1.7.9 Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan.
- 1.7.10 Setiap Program yang dipohon diharap dapat melahirkan bakat dalam penyelidikan seperti mana yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi (PPPMPT).

Sehubungan dengan itu, bagi penyelidikan tiga (3) tahun dapat melatih sekurang-kurangnya empat (4) orang pelajar Ph.D atau lapan (8) orang pelajar Sarjana atau gabungan keduanya.

- 1.7.11 Kakitangan akademik yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Program/Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 1.7.12 Ketua Program / Projek yang berpindah universiti hendaklah melepaskan kedudukan sebagai ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.

1.8 PERATURAN PERMOHONAN

- 1.8.1 Permohonan untuk Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari perlu menggunakan Borang Permohonan Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari yang terkini melalui sistem atas talian dari Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi.
- 1.8.2 Permohonan untuk TRGS dibuka kepada program penyelidikan yang menepati kluster serta syarat seperti di para 1.4, para 1.5 dan para 1.6.
- 1.8.3 Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperaku oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) universiti masing-masing. Laporan penilaian hendaklah dikemukakan kepada pihak urus setia KPT bersama-sama borang permohonan tersebut. Hanya permohonan yang disokong oleh RMC yang perlu dihantar ke KPT.
- 1.8.4 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran TRGS dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

1.9 KRITERIA PENILAIAN

- 1.9.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep/kaedah/model/proses baru; dan
- 1.9.2 Penyelidikan yang dapat menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau
- 1.9.3 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
- 1.9.4 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

1.10 PERATURAN KEWANGAN

1.10.1 **Vot 11000**

Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)

Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2300 untuk pelajar Ph.D dan RM1800 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT.

1.10.2 **Vot 21000**

Perjalanan dan Pengangkutan

1.10.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

1.10.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) perlu memenuhi kriteria di bawah:-

Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya ketua penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.

- i. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan / seminar / bengkel / kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.
- ii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

- iii. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing.
- iv. Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

1.10.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

1.10.3 **Vot 24000**

Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

1.10.4 **Vot 27000**

Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

1.10.5 **Vot 28000**

Baik pulih kecil dan ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

1.10.6 **Vot 29000**

Perkhidmatan Ikhtisas

- a) **Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan**

- b) **Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis**
Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

1.10.7 **Vot 35000**

Aksesori dan Peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan. Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan. Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

1.11 HASIL PENYELIDIKAN

1.11.1 Bakat

Setiap program penyelidikan yang dipohon mesti menghasilkan bakat seperti mana yang termaktub dalam PPPMPT. Sehubungan dengan itu penghasilan bakat adalah sekurang-kurangnya empat (4) pelajar Ph.D atau lapan (8) orang pelajar Sarjana atau gabungan keduanya.

1.11.2 Penerbitan

Setiap program mesti menghasilkan sekurang-kurangnya lapan (8) penerbitan dalam jurnal berindeks dan dua (2) daripadanya adalah Q1. Penghargaan kepada geran TRGS mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

1.11.3 Hak Milik Harta Intelekt

1.11.3.1 Bagi projek yang dibiayai oleh geran TRGS, penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelekt di dalam negeri dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta Intelekt hasil geran TRGS menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT. Pengurusan Harta Intelekt adalah menjadi tanggungjawab IPT.

1.11.3.2 Sekurang-kurangnya **satu (1) IP** bagi setiap program.

1.12 PENGUMUMAN TARIKH BUKA DAN TUTUP PERMOHONAN

1.12.1 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

Pihak KPT akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan TRGS melalui surat rasmi kepada IPT.

BAHAGIAN 2

PENILAIAN

2.1 PENILAIAN

- 2.1.1 Permohonan TRGS akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut kluster yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam kluster masing-masing.
- 2.1.2 Pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakukan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Induk TRGS yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT) untuk diluluskan.
- 2.1.3 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, Kementerian Pendidikan Tinggi.
- 2.1.4 Pembentangan kertas cadangan oleh ketua program bagi cadangan program yang telah disenarai pendek akan dinilai oleh Panel Penilai yang dilantik oleh KPT. Keputusan penilaian adalah muktamad.

BAHAGIAN 3

PEMANTAUAN

3.1 IMPLEMENTASI PROGRAM

Semua program yang diluluskan di bawah TRGS perlu dipantau dari aspek:-

- i. Prestasi program; dan
- ii. Prestasi kewangan

Ketua Program dikehendaki membentangkan prestasi program dan kewangan bagi setiap tahun kepada Panel Penilai yang dilantik oleh KPT. Laporan pembentangan prestasi tahunan perlu dikemukakan oleh pihak RMC kepada pihak urus setia TRGS.

3.2 PENGAWALAN PROGRAM / PROJEK

3.2.1 Setiap IPT perlu mengisi dan menghantar kepada Urus Setia TRGS, KPT laporan prestasi dan kewangan projek penyelidikan TRGS yang terdiri daripada:-

(i) **Borang TRGS - P1(R)**

Laporan Prestasi Program dan Projek TRGS

- untuk diisi oleh setiap ketua projek dan program di IPT; dan
- perlu dihantar kepada pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing.

(ii) **Borang TRGS - P2(RMC)**

Laporan Keseluruhan geran TRGS mengikut Fasa bagi setiap IPT;

- dihantar kepada Urus Setia TRGS, KPT sebelum 15 Februari dan 15 Ogos setiap tahun;

- diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing sebanyak satu (1) salinan; dan
- perlu disertakan bersama-sama Borang TRGS-P1(R), dan TRGS-K1(RMC).

(iii) **Borang TRGS - K1(RMC)**

Laporan Perbelanjaan Kewangan bagi geran TRGS mengikut Fasa bagi setiap IPT;

- diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing; dan
- disertakan bersama-sama dengan Borang TRGS-P2(RMC).

(iv) Laporan akhir penyelidikan (berbentuk *hardcopy* dan *softcopy*) perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan format JPT yang merangkumi:-

- a) Ringkasan penyelidikan dan penemuan
- b) Laporan Kewangan
- c) Laporan Aset
- d) Hasil (disertakan bahan bukti)
 - Bakat (nama individu dan peringkat pengajian)
 - Penerbitan (dalam jurnal yang diiktiraf)
 - Harta intelek

(v) Semua laporan mesti berdasarkan kepada hasil penyelidikan yang diluluskan sahaja.

3.2.2 Bagi Laporan Prestasi Projek Penyelidikan mengikut *milestone*, bulanan atau suku tahunan adalah terpulang kepada RMC di IPT masing-masing dan ia tidak perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian melainkan terdapat arahan khusus mengenainya.

3.2.3 Pemantauan tahunan akan juga dilakukan secara pembentangan kepada panel penilai. Keperluan lawatan tapak bagi tujuan verifikasi akan ditentukan oleh panel penilai.

3.2.4 Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada RMC setiap IPT.

3.2.5 Pengurusan aset adalah di bawah tanggungjawab pihak RMC setiap IPT. Aset adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

3.3 PENALTI

3.3.1 Pelaksanaan program/projek mesti dilakukan pada tahap etika dan integriti yang tinggi. Sebarang isu plagiarisme akan dikenakan penalti.

3.3.2 Setiap IPT perlu memastikan semua program/projek perlu mencapai prestasi kewangan yang memuaskan berdasarkan *milestone*.

3.3.3 Prestasi projek perlu mencapai bakat dan penerbitan seperti dalam cadangan yang telah diluluskan.

3.3.4 Pihak RMC perlu mengenal pasti projek lewat jadual/bermasalah dan boleh memberi Ketua Projek tempoh 3 bulan untuk mencapai prestasi yang memuaskan.

3.3.5 Ketua Projek yang telah dikenalpasti bermasalah akan disenaraihitam bagi tempoh 2 tahun sebelum diberi kebenaran untuk membuat permohonan geran yang baharu.
(Untuk TRGS, penalti akan dikenakan terhadap Ketua Program dan semua Ketua Projek).

BAHAGIAN 4

KEPUTUSAN

4.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

4.1.1 Surat kelulusan Projek akan disampaikan kepada Naib Canselor IPT dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT.

4.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh KPT kepada IPT setelah surat kelulusan TRGS dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan Jawatankuasa Penilaian TRGS.

4.1.3 Keputusan Jawatankuasa Penilaian TRGS adalah muktamad.

BAHAGIAN 5

LAIN-LAIN

5.1 KETUA PROJEK TIDAK LAGI BERTUGAS DI IPT YANG DIPERAKUKAN

Geran Penyelidikan diluluskan dan diperakukan untuk sesebuah IPT. Jika berlaku seperti perenggan 5.1, geran dan harta intelek tersebut masih di bawah kawal selia IPT yang diperakukan.

BAHAGIAN 6

PERANAN

6.1 KETUA PROGRAM

- Ketua Program bertanggungjawab :
 - i. membuat permohonan; dan
 - ii. menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan; dan
 - iii. menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir seperti yang dikehendaki dalam garis panduan TRGS; dan
 - iv. mengurus program penyelidikan dan penyelidik.

6.2 KETUA PROJEK

- Ketua Projek bertanggungjawab:
 - i. membuat permohonan; dan
 - ii. menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan; dan
 - iii. menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir seperti yang dikehendaki dalam garis panduan kepada Ketua Program melalui RMC IPT masing-masing; dan
 - iv. mengurus projek dan penyelidik.

6.3 PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

- RMC bertanggungjawab:
 - i. menerima, menilai dan memperakui permohonan daripada penyelidik.
 - ii. menghantar permohonan yang diperakukan kepada KPT.
 - iii. memantau prestasi kemajuan penyelidikan setiap 6 bulan serta menerima laporan akhir penyelidikan daripada penyelidik.
 - iv. menyerahkan laporan kemajuan dan laporan akhir kepada KPT.
 - v. mengurus aset daripada geran penyelidikan TRGS.

6.4 JAWATANKUASA PENILAIAN

- Panel Penilai bertanggungjawab:
 - i. meneliti dan memperakukan permohonan penyelidikan dalam masa yang ditetapkan.
 - ii. memaklumkan sebab-sebab kegagalan permohonan secara terperinci.
 - iii. menjaga etika dan kerahsiaan permohonan (Akta Kerahsiaan).

6.5 JABATAN PENDIDIKAN TINGGI (JPT)

- JPT bertanggungjawab:
 - i. memaklumkan pelawaan permohonan TRGS kepada IPT;
 - ii. menerima dan memproses permohonan yang dihantar oleh RMC dan di bawa ke sesi penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian TRGS;
 - iii. memaklumkan keputusan penilaian kepada IPT;
 - iv. menerima laporan kemajuan dan laporan akhir penyelidikan.

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:



**URUS SETIA TRGS
BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA.
NO. TEL: 03-8870 6972 / 6973 / 6974
NO. FAKS: 03-8870 6867**